

# AJARAN BERJIMAT CERMAT DALAM ISLAM

## KESALAHAN KITA

Telah disebut dahulu larangan dalam al-Quran:

*(walā tubadhdhir tabdhīrā walā tabsuṭhā kulla al-bast fa taq'uda malūman maḥsura)*

Ertinya: “Jangan kamu membuang-buang belanja membazirkan harta dengan boros dan sia-sia.... dan jangan kamu bukakan tangan kamu berlebih-lebihan terbuka dengan sehabis-habisnya: Jika kamu perbuat demikian nescaya kamu akan terpaksa duduk dalam keadaan dikeji orang dan kehabisan harta tiada berwang lagi.”

### III

Kita orang Melayu sebagai suatu bangsa, larangan inilah yang selalu benar kita langgar pada perkara jimat cermat. Kesalahan kita pada menyempurnakan kewajipan berjimat cermat ini ialah pada pihak boros dan habur, bukan pada pihak lokek dan kikir. Bahkan perangai boros tak tahu berjimat inilah satu daripada sifat kekurangan kaum kita Melayu yang terbesar sekali. Sekalian orang-orang yang ahli iktisad baik daripada bangsa lain atau bangsa Melayu sendiri pun semuanya bersetuju mengatakan demikian itu. Mereka sekalian sebulat mengatakan bahawa kaum Melayu pada umumnya dengan kira pukul rata sangat-sangat lemah dan kekurangan pada sifat perangai jimat cermat; yakni sebagai suatu bangsa adalah kita sentiasa cenderung kepada perangai habur dan boros, tiada tahu mengirakan bagi masa akan datang, tiada tahu menyampaikan bagi masa susah dan kesukaran, tiada pandai menimbang belanja dan menggunakan wang dengan betul. Kita cenderung kepada membuang-buang belanja pada perkara yang tidak berfaedah hanya riak.

Bagaimanakah kita melanggar larangan Quran yang menyuruh berjimat cermat dan melarang jangan berboros itu?

bahawa contoh-contoh kita melanggar itu banyak dan dengan mudah boleh didapati pada kehidupan orang kita Melayu, pada segala kerja dan kelakuan yang kita lihat biasa mereka perbuat berkenaan dengan belanja dan urusan wang. Dengarlah: (pertama): Mereka tiada tahu berjimat dan mengirakan untuk masa akan datang. Apabila mereka dapat wang walau sedikit atau banyak, walau hasil daripada usaha pencarian sendiri atau daripada pusaka atau pemberian orang atau lainnya, maka berbelanjalah mereka besar-besaran hingga wang itu habis-dengan tiada memikirkan besok atau lusa,

dengan tiada mengirakan kalau tiba musim hujan atau kemarau. Hanya seolah-olahnya pedoman mereka:

“rezeki hari ini untuk

hari ini, esok hari kalau ada nyawa

adalah rezeki lain pula! Hidup mati tiada tentu;

baiklah dirasa nikmatnya sementara ada nyawa sekarang; esok lusa entah mati, orang lain sahaja yang akan kenyang! “dengan

demikian tiadalah mereka tahu atau mahu hendak menyimpan barang sedikit diuntukkan guna masa sempit, sakit

pening, dan susah, jika tiba suatu hari kelak. Maka wangnya

itupun segeralah tirusnya, dan tiada berapa lama lalu

**OLEH ZABA**

habis langsung!

(Kedua): Jangankan mereka berjimat akan wang yang telah sedia dalam tangan, tetapi sebaliknya lebih biasa mereka berbelanja dahulu pula akan wang yang belum tentu dapatnya, iaitu dengan jalan meminjam atau berhutang lebih dahulu apabila ada sahaja harapan akan dapat wang, maka belum pun lagi dapat wang itu mereka sudah berkira apa-apa hendak dibeli, bahkan sudah berbelanja terus dengan meminjam atau mengambil barang dengan jalan hutang hulu, dicadangkan pembayaran wang yang belum dapat itulah!

(Ketiga): Mereka tak tahu berkira membelanjakan wang berpatut dan berjimat. Apabila ada wang, pakai belanja sahaja! Tak pernah menimbang patut atau tiada patutnya asalkan nampak barang elok dan perkenan di hati lalu dibelilah. Iaitu semata-mata mengikutkan kehendak nafsu yang ingin. Hati mengeletik berkehendak tiada tertahan, dan wang pun ada; maka rugi-rugi pun dan walau berapa mahal pun dibeli juga! Tidaklah mereka suka berkira, apalagi menyimpan kira-kira perbelanjaan itu berapa masuk berapa keluar. Bahkan kebanyakan mereka yang demikian tiada tahu mengira selingkut nombor pun hanya asalkan ada wang lebih banyak daripada biasa maka iapun tiada tahu lagi apa hendak dibuat wang ini yang patutnya, atau bagaimana hendak menggunakannya yang baik. Maka diamuk-amukkanyalah wang itu, membeli itu ini dengan tiada berkira: tiba-tiba didapatinya sudah habis sahaja wangnya itu atau tinggal sedikit sahaja lagi!

(Keempat): Mereka yang mewah sedikit kerap kali membuang-buang dengan percuma, baik pada, wang belanja atau makanan atau pakaian. Misalnya apabila masak nasi atau lauk selalu dlebihkan, takut kalau tak cukup apabila makan kelak! Kemudian apabila tiada habis termakan, maka lebihnya itu dibuang sahaja dicurahkan ke tanah atau ke dalam parit; lain hari dibuat begitu lagi. Pada hal rang tua-tua Melayu pun ada berpesan

“jangan dibuang-buang nasi, menangis dia, mahal rezeki!”

Demikian pula menggunakan apa-apa barang yang lain baik air, kayu api, bawang, cabai dan sebagainya, selalulah lebih daripada patut: “apa gaduh, duit ada, habis beli lagi!” Demikian pula pada kain baju, baharu sebulan dua dibeli sudahlah jadi kain buruk, terselit di sana sini di celah dinding, atau dibuat pengesat dulang. Pada hal kainnya kukuh lagi. Tentang kayu api mereka tiada ingin memungut pelepah-pelepah kelapa kering atau tempurung atau kulit durinya kering umpamanya, dibuat kayu api. Barang siapa berbuat demikian lokek namanya, Sebab itu barang-barang yang tersebut itu terbuang percuma sahaja, reput sendiri jadi tanah. Pada hal kalau orang bangsa lain semua itu berguna kepada mereka. Tidak dibenarkan terbuang percuma.

(Kelima): Mereka suka meminjam dan berhutang dengan dicadangkan pembayarannya barang yang belum dapat ke tangan atau yang belum tentu dapatnya. Sebabnya kerana mereka tak sabar melihat orang lain berbuat besar atau berbelanja besar: Maka mereka pun hendak berbuat besar seperti itu pula-pada belanja, pada makan minum, pada pakaian, pada keadaan dan kesiapan rumah tangga, pada hendak dan gaya gerak geri sendiri semuanya tak dibuat besar juga seperti orang lain itu. Biarlah berhutang, biarlah saku melayang, asakan dilihat oleh orang keadaan awak besar. Tak dapat menang taruh, menang sorak sahaja pun jadilah. Kesudahannya berselekeh oleh hutang, bahkan kadang-kadang hingga terpakai wang amanah orang. Wang syarikat, wang kelab, wang masjid, wang kerajaan! Atau terpaksa minta wang suap, menerima suap, dan makan suap iaitu disebut “duit luar” namanya konon! Pendeknya diulang lagi gajah berak besar kancil pun nak berak besar, akhirnya kebabangan atau keluar isi perut! Maka jika meminjam wang orang atau berhutang, leceh pula membayar hutang itu-sentiasa lari daripada membayarnya, sentiasa dihelah-helakan dan dikilih-kilihkan dengan bermacam-macam dalih, bertanggung begitu begini dengan tiada malu!

(Keenam): Mereka suka berbelanja besar pada kenduri kendera, nikah kahwin dan sebagainya, hingga terkadang berhabis-habis, berjual, bergadai, akan tanah dan rumah atau lainnya, Kononnya kerana hendak memelihara taraf dan kehormatan, jangan dikata orang dia lokek; atau kerana memelihara adat yang telah turun temurun. Kesudahannya berselekeh juga dengan hutang, kepada cemeti, kepada pak bi, dan lainnya. Bunga pun tak terbayar; kebun, kampung dan rumah tangga terlelong; barang-barang yang digadaikan dipajak gadai pun lalu, tiada upaya menembusnya!

(Ketujuh); kerap kali pula mereka berjual harta benda, tanah dan kebun dan sebagainya hingga habis tak tinggal kerana naik Haji “sudah sampai seru”! Diri pun sudah tua, harap-harap mudah-mudahan akan mati di Tanah Suci! Tiba-tiba tak mati, kerana fasal mati itu siapa dapat menentukan? Kadang-kadang orang yang muda dan tegap mati di Mekah. Dan orang tua yang ingin hendak mati di sana hidup juga tak mahu mati. Terpaksa balik ke Jawa ini baharu mati. Jadi mahu tak mahu balikkah. Di Mekah pun apa tak dibuat? Apa penghidupan? Bukan awak orang alim boleh harapkan sedekah murid-murid atau boleh mengerti pengajian-pengajian dalam Masjid al-Ḥarām kalau sekadar mengaji kitab Jawi sahaja di Jawa ini pun tak kurang, wal hasil balikkah ke sini dengan terkapa-kapa. tak ada apa harta dan wang lagi-menyusahkan anak-anak dan saudara mara!

(Kedelapan): Biasa juga dilihat kelakuan setengah orang kita apabila sudah dapat wang sedikit maka tidaklah mereka suka berusaha atau bekerja lagi: Duduklah sahaja makan tidur sampai habis wang yang ada itu. Kemudian baharulah ia pergi bekerja lagi atau pergi “Mencari” namanya, dengan berkuli-kuli mengambil upah di sana sini atau lainnya. Dapat sedikit wang duduk pula balik sehingga habis wang itu. Demikianlah perbuatnya sehingga ia tua, sehingga habis umurnya; dan kerap kali pula



*Gading-gading gajah adalah dibawa dengan banyaknya ke Zanzibar dari seluruh benua Afrika dan dari sana diperniagakan keluar negeri.*

belum pun mula bekerja lagi wang belanja sudah di ambil dan habis. Inilah yang dikata oleh orang Cina: “*hayya ya! Ulang gula yu menging! Kilija satu ta'un ma'u makan lua ta'un!*”

(Kesembilan): Mereka tak tahu mengkadarkan yang mana boros yang mana lokek. Kalau orang berjimat belanja, dikata lokek; kalau orang ada wang berjalan kaki atau membuat kerja sendiri tak pakai orang gaji dikata menyakit-nyakiti diri dan lokek; kalau orang bersukat berhad dan berwaktu makan minumannya, dikata menyekat tekak dan nak kaya, iaitu lokek juga! Begitulah pada beberapa banyak perkara yang lain. Yang baiknya pada mereka dan tidak lokek ialah: bila ada wang kerana harga getah naik atau kerana dapat “*arias*” atau bonus atau pusaka atau lain-lainnya maka ketika itu gasaklah, jamu nafsu! Bila tah lagi! Itulah masa nak berbelanja besar, nak berjamu kawan? Nak membeli barang-barang yang telah lama diangan-angankan-motokar, radio, pita nyanyi, almari, meja kerusi, tempat menyimpan makanan sejuk (*refrigerator*) dan sebagainya. Kawan-kawan

pun datanglah berkerumun suruh belanja, berjamu dan bersuka-suka. Orang-orang perempuan penuhlah di kedai tukang emas membeli barang-barang emas, gelang, loket, subang intan, dam sebagainya, iaitu “meletakkan wang” konon; esok bila-bila sesak boleh digadai. Tetapi yang sebenarnya ialah kerana gemarkan perhiasan memakai barang-barang emas itu, biar dipuji orang “dia banyak barang” kemudian apabila jatuh harga getah dan wang baharu pun tak masuk lagi, mulalah mereka sesak! Maka terus bergadai atau memulangkan barang-barang emas itu kepada tukang dengan dipotong harga upah! Tak lama habis licin semuanya. Balik ke takuk lama! Jadi di manalah dapat menyimpan hendak mengirakan belanja anak-anak bersekolah, menggalakkan pelajaran, atau berbuat apa-apa khairat dan lain-lain pertolongan yang berfaedah kepada umum!

(Kesepuluh): Mereka tak tahu menggunakan bingka, baik bingka simpanan di pejabat pos atau bingka besar: takut hilang wang yang disimpan itu, atau tak masuk sebab payah mengeluarkannya, ataupun kerana takut makan bunga, berdosa! Padahal beberapa banyak dosa yang lain lebih dahsyat lagi daripada itu mereka tiada takut mengerjakannya seperti meninggalkan sembahyang dan puasa, mengata-ngata dan mengumpat orang. Menipu harta orang, makan suap, menggelapkan duit syarikat, memerah orang-orang miskin yang dalam kesusahan-misalnya kalai seorang miskin dapat meminjam wang kerajaan \$ 1,000 dengan pertolongan kerana hendak mendirikan rumah buruk-buruk, maka orang yang menolong itu berkehendak bahagian penat lelahnya dengan percuma \$100, dan sebagainya! Itulah yang dikatakannya menolong dan menjauhi dosa!

(Kesembilan): Sementara itu orang muda-muda pula tidak kurang membuang-buang wang dengan sia-sia. Berhabur ke sana ke mari menjamu nafsu apabila ada wang atau apabila dapat gaji-arak, ronggeng, joget modern, *dancing*, menyimpan perempuan dan beratus-ratus lagi kerana meniru

tabiat orang-orang bangsa lain yang banyak wang. Pada hal kita suatu bangsa yang miskin. Bilakah terpelihara iktisad kita jika begitu?

(Kedua belas): Ada pula orang yang tiada mahu berjimat cermat itu kerana mengikut cakap setengah tuan-tuan guru agama yang mengeluarkan hadis:

(*Law tawakkaltum 'alā Allah haqq tawakkalhu lirazaqakum kamāyarzaq al-tūr taghdaw khamāsā watarūh biṭānā*).

Ertinya: “Jikalau kamu berserah kepada Allah dengan sebenar-benar berserah, nescaya ia beri kamu rezeki sebagaimana ia member rezeki kepada burung: pagi-pagi ia keluar dengan lapar kosong perutnya, dan petang-petang ia kembali perutnya sudah kenyang”. Sebab itu apa guna simpan? Buatlah seperti burung itu sahaja pada hal hadis ini bukan membicarakan fasal meyimpan, tetapi ialah fasal bertawakal dan berusaha, yakni suruh buat seperti burung itu, berserah serta berusaha dari pagi sampai petang, bukan duduk tidur sahaja, diserangnya menanti makanan gugur dari langit! Ada pun fasal menyimpan maka ada hadis-hadis yang lain menyuruh kepadanya dan lagi tentang menyimpan itu mengapa tidak diperhatikan perangai semut dan lebih dan sebagainya, iaitu makhluk Allāh juga? Tidakkah binatang-binatang itu bertawakal, berusaha, dan menyimpan??

Begitu pula orang-orang demikian mendengar tok guru berkata, “harta dan kekayaan itu daki dunia!” dan tok guru mengaturkan firman (*al-māl wa al banūn zinata al-ḥayāt al-dunyā*: Surah al-Kahfi 37)

Ertinya: “harta dan anak-anak itu perhiasan hidup di dunia” hingga akhir ayat itu; dan ayat.

(*Dhālika matā' al-ḥayāt al-dunyā wa Allah 'indahu ḥusnu al-ma'ab*: Ali-'Imrān 14); dan ayat (*wamā al-ḥayāt al-dunyā al-matā' al-gharūr*: surah Ali-'Imrān 185); dan ayat (*qālu matā'an al-dunyā qalīl wa al-akhirat khayr limanittaqa*: surah al-Nisa' ayat 77) dan beberapa banyak ayat lain yang seumpama itu. Demikian juga ayat (*yā ayuhā al-ladhīna amanū ila talhukum amwālakum walā awlādukum 'andhikri Allāh waman yaḥal dhalik fa'ūla'ik hum*

*al-khāsirūn*: al-Munāfiqūn 9)) dan lain-lain lagi....

tak usahalah kita maknakan kerana panjang. Memadailah dikata semuanya ayat-ayat itu menggalakkan ingat kepada Tuhan dan akhirat dan jangan tamak kepada dunia: yang demikian umat baik dan betul. Tetapi adakah ayat-ayat itu suruh membuang dunia sama sekali? Adakah sekaliannya melarang atau mencela daripada berjimat cermat? Kemudian disebut pula hadis konon (*al-dunyā jiyyafat waṭālibahā kullāb*).

Ertinya: "dunia itu ialah bangkai dan orang yang mencari akan dia itu anjing!" tetapi apakah erti "dunia" yang diikatkan bangkai itu? Dan bagaimana rupa "menuntut dunia" yang dikeji itu? Adakah perkataan itu bersetuju dengan perkataan-perkataan Quran di atas tadi yang tidak mengeji dunia sampai begitu sekali? – demikianlah: Sekaliannya itu boleh ditafsirkan lagi dengan halus mengikut timbangan alam dan akal yang adil dan mengambil bandingan kepada lain-lain ayat Quran dan hadis-hadis yang menyuruh sebalik dari itu pula.

Tetapi kasihan! Orang-orang Melayu kita yang tiada berpegangian apabila didengarnya perkataan-perkataan tok guru demikian itu iaitu dipantakkan ke dalam telinga mereka oleh setengah-setengah tuan guru agama yang tiada berpelajaran dan setengah-setengah ahli tasawwuf yang separuh masak – maka berpeganglah mereka kepadanya dengan tiada tahu hujung pangkal; kerana perkataan demikian memberi hiburan kepada hati mereka daripada sengsara miskin dan papa yang sentiasa mereka tanggung oleh sebab tiada usaha dan tidak jimat, bahkan habur dan boros pula itu! Maka mereka pun pura-pura berbuat zuhud meniru setengah orang-orang


"ahli sufi" yang tidak menghargakan harta, melainkan berkata dengan perbuatannya: "habiskan pada hari ini apa yang dapat hari ini; hari lain ada pula lagi rezeki.

Apa guna simpan, apa guna berjimat? Allah Ta'ālā kaya dan akan memberi rezeki setiap yang dikehendaki-Nya!" begitulah yang dikatakan oleh mereka agama Islam!

Sementara itu ada pula berpegang kepada pepatah: "rezeki secupak tak dapat segantang" dan "kalau bukan rezeki dalam mulut pun jatuh keluar!"

Jadi apalah guna simpan? Apa guna dikira masa akan datang? Apa guna berusaha menyimpan dan menguntukkan bagi masa susah? Semua perkara dalam kiraan Allah dan takdir Allah! Maka itulah iktikad Jabariyah bulat-bulat yang sangat salah dan sesat pada ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Demikianlah contohnya setengah daripada kesalahan sifat-sifat kekurangan orang-orang kaum kita dalam perkara jimat cermat. Maka ubatnya bagi membaiki sekalian itu tiada lain melainkan: "kembalilah mengikut ajaran jimat



*Mulya Hasan (sebelah kanan) amir bagi Morocco Perintahan Sepanyol memberi ucapan memuji Sultan Morocco perintahan Perancis yang kena pecat dahulu Mawlā Sidī Muḥammad bin Yūsuf, sepupunya, dan menyerang perbuatan Perancis menurunkan Sidi Muḥammad daripada takhta. Di sebelah kirai ialah Leftenan Jeneral Rorfil Garcia Balino, Pesuruhjaya Tinggi Spanish Morocco.*

cermat yang diajarkan oleh agama Islam sebagaimana yang dibentangkan dalam al-Quran dan dibawakan oleh junjungan kita Muhammad shallā Allah ‘alaihi wa sallam jangan boros; simpan, utukkan sedikit kerana masa susah kalau tiba, dan berbelanjalah dalam sempadan yang patut. Buat kira-kira perbelanjaan, utukkan sekian-sekian belanja tiap-tiap bulan dalam had sempadan pendapatan yang diperoleh; sukat berapa pendapatan yang tetap dan berbelanjalah dalam sempadan itu, jangan lebih. Asingkan lebih-lebih daripada perbelanjaan itu sedikit – simpan di dalam bank simpanan; tak usah takut, tak boleh hilang, bahkan di situ lebih selamat. Kalau tak hendak bunga yang diberi oleh bank itu tak usahlah ambil, kiralah kita menumpang simpan sahaja. Bila ada wang sendiri yang tersimpan akan tempat bersandar sekiranya kedatangan sesak sukar, nescaya hati senang, tidak mesti berharap kepada pertolongan orang dan tidak terpaksa berhutang.

Jika diperbuat demikian, inshā-Allah selamat iktisad kita. Dan apabila banyak orang kita dapat selamat iktisadnya dengan jalan demikian, nescaya kaum kita seumumnya selamatlah pula; kerana kaum atau bangsa itu terjadi daripada perhimpunan satu-satu orang anggotanya.

Selagi kita boros tak tahu berjimat kita akan kekal miskin, seperti sabda Nabi shallā Allah ‘alaihi wa sallam yang telah disebutkan dahulu: (*wa man badhdhara afqarahu Allah*)

Ertinya: “Barang siapa boros membuang-buang harta dengan sia-sia, Allah Ta‘ālā jadikan dia papa (sentiasa berkehendak kepada pertolongan orang).” Dan selagi kebanyakan orang kita miskin, nescaya kaum kita seumumnya tetap miskin pula. Maka selagi kaum kita kekal dalam kemiskinan, kita tidak akan boleh naik meningkat ke mana-mana, melainkan sentiasalah akan menepati perkataan Quran: (*fataq‘ad malūmā maḥsūrā*)

Ertinya: “Kamu akan duduk dalam keadaan dikeji orang dan kepapaan.”

(Sambungan daripada muka 13)

sedang agama Kristian memimpin kerohanian. Jadi keduanya perlu memerlui dan isi mengisi.

Peradaban dunia berpusat pada kerajaan, pimpinan rohani berpusat di gereja. Pada mulanya kedua-dua bahagian ini bekerja dalam lapangan masing-masing, dengan tidak singgung menyinggung. Dalam masa itu mereka memancarkan peradaban ke dunia Barat. Tetapi dalam tahun 1075, gereja mencuba menguasai pusat peradaban keduniaan iaitu kerajaan. Perebutan kuasa di antara gereja dan raja pun terjadilah dalam masa yang lanjut dan akhirnya raja menang. Gereja pun balik kepada asalnya iaitu mengurus rohani. Keadaan ini disebut orang “Pemisahan gereja daripada negara.”

Pemisahan gereja daripada negara adalah sesuai dengan ajaran Kristian yang hanya semata-mata memimpin rohani dan ibadat. Dan dari permulaannya peradaban dan kerohanian memang berasal dari dua pusat yang berlainan, iaitu kerajaan dan gereja. (bersambung)



*Seorang pekerja yang mahir sedang menekat dengan tekunnya.*